

BAB 2

KESUSASTERAAN KERABAT

2.1 Pendahuluan

Kesilapan penggunaan kata (kata pemerl , kata sendi *di* dan kata jamak) merupakan teras kajian ini. Oleh itu, terlebih dahulu pengkaji akan membincangkan secara ringkas tentang penggolongan kata dalam Bahasa Melayu iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata tugas. Perbincangan seterusnya berkisar tentang kesalahan-kesalahan tatabahasa Bahasa Melayu secara umum dan diikuti dengan perbincangan konsep analisis kesilapan. Kajian-kajian kerabat tentang kesilapan penggunaan tatabahasa akan mengakhiri perbincangan dalam bab ini.

2.2 Penggolongan Kata Dalam Bahasa Melayu

Menurut Za'ba (1947) terdapat lima golongan kata dalam Bahasa Melayu iaitu kata nama, kata perbuatan, kata sifat, kata sendi, dan kata seruan. Antara kelima-lima jenis kata tersebut, kata nama dan kata perbuatan merupakan dua golongan kata yang terpenting kerana menjadi inti percakapan. Asmah (1968) pula membahagikan kata kepada tiga golongan sahaja iaitu kata nama, kata kerja, dan kata tugas.

Sementara itu, Abdullah Hassan (1980) pula mengatakan terdapat enam kelas kata dalam Bahasa Melayu. Kelas kata tersebut ialah kata nama, kata kerja, kata adverb, kata adjektif, kata tugas, dan kata partikel. Nik Safiah Karim (1986) pula membahagikan kata dalam Bahasa Melayu kepada empat kelas iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata tugas.

Meskipun pelbagai pembahagian dibuat, pengkaji akan menggunakan pengkelasan yang dibuat oleh Nik Safiah Karim dalam penulisan ini. Hal ini kerana pengkelasan yang dibuat oleh Nik Safiah dalam buku *Tatabahasa Dewan* menjadi buku rujukan utama dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah menengah.

2.2.1 Kata Nama

Kata nama ialah kata yang menjadi inti frasa nama dalam ayat. Biasanya kata nama digunakan untuk merujuk kepada orang, benda, tempat dan sebagainya. Kata nama dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu :

2.2.1.1 **Kata Nama Khas**

Kata nama khas merupakan bentuk kata yang merujuk khusus kepada nama orang, tempat, atau benda. Dari segi penulisan, kata nama khas ditulis dengan huruf besar pada setiap awal kata. Contohnya, *Rumah Putih* dianggap nama khas kerana merujuk kepada sebuah rumah yang khusus iaitu tempat kediaman Presiden Amerika Syarikat.

2.2.1.2 **Kata Nama Am**

Kata nama am ialah bentuk kata yang merujuk sesuatu konsep atau benda yang umum. Dengan kata lain, kata nama am ialah kata selain kata nama khas dan tidak ditulis dengan huruf besar. Kata nama am ini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu kata nama am hidup dan kata nama am tak hidup. Kata nama am hidup merujuk kepada manusia dan binatang seperti *guru, petani, helang, dan gajah*, manakala kata nama am tak hidup merujuk kepada benda yang tidak bernyawa seperti *sekolah, rumah, kedai* dan lain-lain.

2.2.1.3 Kata Ganti Nama

Kata ganti nama ialah bentuk kata yang digantikan pada kata nama am atau kata nama khas. Dalam Bahasa Melayu, kata ganti nama dibahagikan kepada dua jenis iaitu kata ganti nama tunjuk dan kata ganti nama diri. Kata ganti nama tunjuk bertugas menunjukkan sesuatu perkara atau kejadian. Terdapat dua kata ganti nama tunjuk dalam Bahasa Melayu iaitu *itu* dan *ini*. Kata ganti nama diri terbahagi kepada dua jenis iaitu ganti nama diri tanya dan ganti nama diri orang. Contoh ganti nama diri tanya ialah *apa*, *siapa* dan *mana*. Contoh ganti nama diri pula ialah *saya*, *beta*, *patik*, *anda*, *dia*, *mereka* dan lain-lain.

2.2.2 Kata Kerja

Kata kerja ialah sebarang perkataan yang menunjukkan sesuatu perbuatan atau keadaan melakukan sesuatu. Binaan kata kerja terdiri daripada kata dasar atau kata terbitan. Kata kerja dapat dibahagikan kepada dua iaitu kata kerja transitif dan kata kerja intransitif.

2.2.2.1 Kata Kerja Transitif

Kata kerja transitif ialah kata kerja yang memerlukan objek atau penyambut selepas kata kerja tersebut. Tanpa objek, kata kerja itu tidak akan sempurna dan binaan ayat menjadi salah. Kata kerja transitif dapat dibahagikan kepada dua iaitu kata kerja transitif aktif dan kata kerja transitif pasif. Kata kerja transitif aktif biasanya ditandai dengan imbuhan *men* dengan atau tanpa akhiran *-kan*, dan *-i*. Contohnya *menendang*, *mengharapkan*, *mengutusi melahirkan*, dan sebagainya. Kata kerja transitif pasif pula merupakan kata kerja yang ditandai oleh awalan *di* - dengan atau tanpa akhiran *-i* atau *-kan*. Contohnya, *ditendang*, *ditafsirkan*, dan *ditangisi*.

2.2.2.2 Kata Kerja Intransitif

Kata kerja intransitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan objek atau penyambut selepas kata kerja tersebut. Kata kerja tersebut terbahagi pula kepada kata kerja intransitif berpelengkap dan kata kerja intransitif tak berpelengkap. Kata kerja intransitif berpelengkap ialah kata kerja yang tidak diikuti oleh objek tetapi mesti diikuti oleh pelengkap untuk menjadi

ayat yang sempurna maksud. Contohnya *bermandikan*, *berlantaikan*, *beransur*, dan menjadi. Kata kerja intransitif tak berpelengkap pula merupakan kata kerja yang boleh berdiri sendiri tanpa memerlukan objek atau penyambut selepas kata kerja (Ainon Mohamad, 1994). Contohnya *menyanyi*, *bersenam*, dan *termenung*.

2.2.3 **Kata Adjektif**

Kata adjektif atau kata sifat ialah golongan kata yang boleh menjadi unsur utama dalam binaan frasa adjektif. Kata ini boleh berfungsi sebagai penerang kata nama. Abdullah Hassan (1994) membahagikan kata adjektif kepada sembilan jenis berdasarkan kriteria makna yang didukung oleh sesuatu kata adjektif. Jenis-jenis yang dimaksudkan ialah:

i. **Kata adjektif sifatan**

Sebarang kata sifat yang menjelaskan sesuatu kata nama.

Contohnya ialah *cantik*, *nakal*, *rimbun* dan *kemas*.

ii. **Kata sifat warna**

Menerangkan sebarang kata sifat yang menjelaskan sesuatu warna kepada kata nama. Umpamanya *putih*, *perang*, *gelap* dan *merah muda*.

iii. **Kata sifat ukuran**

Menerangkan sebarang kata sifat yang menjelaskan ukuran sesuatu kata nama seperti *inci, meter, jengkal* dan *kilometer*.

iv. **Kata sifat bentuk**

Bentuk sesuatu kata nama seperti *bujur, leper, tiga segi* dan *bundar*.

v. **Kata sifat waktu**

Sebarang kata sifat yang menjelaskan masa atau waktu sesuatu kejadian seperti *sekejap, spontan, segera*, dan *cepat*.

vi. **Kata sifat jarak**

Kata sifat yang menjelaskan konsep ruang antara dua benda.

Contohnya ialah *jauh, hampir, nyaris* dan *rapat*.

vii. **Kata sifat cara**

Kata sifat yang menerangkan kelakuan atau ragam kata nama seperti *gopoh, kerap, laju, dan gelojoh*.

viii. **Kata sifat perasaan**

Kata sifat yang menjelaskan sesuatu perasaan yang dihadapi seperti *sayang, rindu, kasih* dan *malu*.

ix. **Kata sifat pancaindera**

Sebarang kata sifat yang membawa pengertian konsep rasa, pandang, dengar, bau, sentuh atau gabungan kelima-lima pancaindera tersebut. Contohnya ialah *manis, jelita, merdu, hancing* dan *kasar*.

2.2.4 Kata Tugas

Mengikut Asraf (1995) dalam Bahasa Melayu terdapat kata-kata kosong yakni kata-kata yang tidak bermakna, tetapi mempunyai tugas penting untuk menentukan makna dalam ayat. Oleh kerana kata-kata tersebut mempunyai tugas tertentu, maka dinamakan kata tugas. Hamedi Mohd. Adnan (1994) pula mendefinisikan kata tugas sebagai kata yang tidak mendukung makna secara sendirian. Jika kata nama seperti *batu*, kata adjektif seperti *cantik*, dan kata kerja seperti *tendang* membawa makna yang jelas, tetapi kata tugas seperti *dengan*, *di*, *adalah*, *ialah*, *para* dan sebagainya tidak mendukung sebarang makna asas. Dengan kata lain, kehadiran kata tugas dalam ayat tidak berfungsi sebagai unsur inti dalam sebarang predikat sama ada predikat frasa nama, frasa kerja atau frasa adjektif. Kata-kata tugas hanya berfungsi untuk mendukung sesuatu tugas sintaksis tertentu sama ada sebagai penghubung, penerang, penentu, penguat, penegas, pemerl, penafi dan tugas-tugas lain.

Kata tugas boleh dibahagikan kepada beberapa jenis seperti berikut :

1. kata hubung
2. kata seru
3. kata tanya
4. kata pemberar
5. kata pangkal ayat
6. kata bantu
7. kata penguat
8. kata penegas

- | | | |
|---------------|----------------------------|---------------------|
| 9. kata nafi | 10. kata pemeri | 11. kata sendi nama |
| 12. kata arah | 13. kata bilangan / jamak. | |

Kesemua jenis kata tersebut boleh dikelompokkan kepada tiga golongan berdasarkan kedudukan dan fungsinya dalam binaan ayat iaitu *kata penyambung ayat*, *kata praklausa*, dan *kata prafrasa*.

2.2.4.1 Kata Penyambung Ayat

Kata penyambung ayat ialah kata hubung, iaitu sejumlah perkataan yang bertugas menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat berlapis atau ayat majmuk. Menurut Nik Safiah Karim (1984), terdapat dua jenis ayat majmuk iaitu ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan. Ayat majmuk gabungan dihubungkan oleh kata hubung gabungan dan ayat majmuk pancangan dihubungkan oleh kata hubung pancangan.

Kata hubung gabungan ialah kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih yang bersifat setara. Contoh kata hubung ini ialah *dan*, *atau*, *tetapi*, *serta*, *lalu*, *malahan*, *sambil*, dan *kemudian*.

Kata hubung pancangan ialah kata yang menghubungkan klausa-klausa tidak setara atau klausa pancangan pada klausa utama atau klausa induk.

Kata hubung pancangan terbahagi kepada tiga jenis iaitu :

- i. Kata hubung pancangan relatif yang berfungsi menghubungkan klausa utama dengan satu klausa kecil yang lain. Bentuk kata hubung jenis ini ialah '*yang*'. Contoh ayat adalah seperti berikut :
 1. Ali memanggil kanak-kanak *yang* sedang bermain itu.
 2. Bas *yang* dinaiki adik saya itu melanggar pokok.
 - ii. Kata hubung pancangan komplement yang berfungsi menghubungkan satu klausa yang menjadi komplement atau pelengkap pada satu klausa utama. Contoh kata hubung pancangan komplement ialah *bahawa* dan *untuk*. Contoh penggunaan dalam ayat adalah seperti berikut :
 3. Guru itu menyatakan *bahawa* muridnya sangat rajin.
 4. Sungguh mustahil *untuk* banduan itu melepaskan diri.
 - iii. Kata hubung pancangan keterangan yang berfungsi menghubungkan klausa yang menjadi keterangan pada satu klausa utama. Contoh kata hubung ini ialah *kerana*, *sekiranya*, *sementara*, *walaupun*, *andai kata*, *jika*, *jikalau*, *meskipun*, *tatkala* dan lain-lain.
- Contoh penggunaan dalam ayat :
5. Pegawai itu sering dipuji *kerana* rajin bekerja.

6. Pekerja-pekerja itu akan mogok *jikalau* perundingan gagal.
7. Kita perlu belajar bersungguh-sungguh *supaya* berjaya dalam peperiksaan.

2.2.4.2 Kata Praklausa

Kata Praklausa ialah kata yang terletak di hadapan klausa, iaitu terdiri daripada golongan *kata seru*, *kata tanya*, *kata perintah*, *kata pemberian*, dan *kata pangkal ayat*. Kata-kata ini bertugas untuk menimbulkan seruan, pertanyaan, pengiyaan, atau sebagai penerang pangkal klausa.

i. **Kata seru**

Kata-kata yang digunakan untuk melahirkan perasaan, sama ada marah, geram atau terperanjat dan lain-lain. Contoh kata seru ialah *aduh*, *cis*, *celaka*, *aduhai*, *amboi*, *syabas* dan lain-lain. Contoh penggunaan kata seru ialah:

8. *Amboi*, comelnya bayi itu!
9. *Cis*, berani engkau menentang aku!

ii. **Kata tanya**

Kata yang digunakan untuk bertanya atau menyoal sesuatu, seperti kata *mengapa*, *berapa*, *bila* dan *bagaimana*. Kata tanya boleh hadir di depan subjek tetapi mestilah disertakan kata penegas atau

partikel-*kah* atau dibahagian predikat tanpa partikel-*kah*.

Penggunaannya dalam ayat adalah seperti berikut :

10. *Mengapakah* dia menangis malam tadi?

11. Kesihatannya sekarang *bagaimana*?

iii. Kata pbenar

Kata yang mengesahkan sesuatu pertanyaan yang dikemukakan.

Terdapat tiga jenis kata pbenar iaitu *ya*, *benar* dan *betul*.

Contoh :

12. *Benar*, itulah Pegawai Daerah yang baru.

13. *Betul*, kamilah penjaga kanak-kanak ini.

iv. Kata pangkal ayat

Kata yang hadir di bahagian hadapan ayat yang menjadi penanda kesinambungan ayat dalam wacana. Kata ini sering digunakan dalam bahasa klasik dan jarang digunakan dalam Bahasa Melayu moden. Contoh kata tersebut ialah *hatta*, *arakian*, *syahadan*, *alkisah*, *sebermula* dan lain-lain. Contoh penggunaan dalam ayat ialah :

14. *Alkisah*, tidak beberapa lama kemudian hamillah permaisuri.

15. *Sebermula*, baginda pun sampai ke negara tersebut.

2.2.4.3 **Kata Prafrasa.**

Kata prafrasa ialah sejumlah perkataan yang terletak di hadapan frasa, iaitu sama ada frasa nama, frasa kerja, atau frasa adjektif. Kata prafrasa ini mendukung tugas-tugas maksud yang terkandung dalam ayat seperti membantu, menguatkan, menegaskan, menafikan, memerikan, menyendikan, menunjukkan arah, dan membilang atau menjamak. Berdasarkan tugas-tugas ini, maka kata prafrasa mengandungi lapan jenis iaitu :

i. **Kata Bantu**

Tugasnya membantu frasa nama , frasa kerja, dan frasa sendi nama. Kata bantu dapat dibahagikan kepada dua iaitu **kata bantu aspek** dan **kata bantu ragam**. Kata bantu aspek menimbulkan perbezaan masa, sama ada masa lalu, kini dan masa hadapan. Antara kata bantu aspek yang sering digunakan ialah *sudah, telah, belum, sedang, tengah, pernah, masih, akan* dan sebagainya.

Kata bantu ragam pula menyatakan keadaan perasaan yang berhubung dengan perbuatan yang dilakukan. Antaranya ialah kata-kata seperti *hendak, mahu, mesti, harus, dapat, perlu, wajib* dan sebagainya. Contoh penggunaan kata bantu dalam ayat ialah :

16. Dia *akan* bertolak ke Kuala Pilah sebentar lagi.

17. Saya *mahu* makan nasi.

ii. **Kata Penguat**

Kata penguat bertugas memberi penekanan kepada kata sifat. Kata ini boleh hadir sama ada sebelum atau selepas kata sifat. Antara kata penguat yang hadir sebelum kata sifat ialah *amat*, *sangat*, *terlalu*, *paling*, *sungguh*, *agak* dan sebagainya. Sementara kata penguat yang hadir selepas kata sifat ialah *nian*, *sekali*, *benar* dan *sungguh*. Contoh penggunaan kata penguat dalam ayat ialah :

18. Pemandangan di tepi pantai *terlalu* indah.

19. Cantik *benar* rumah di atas bukit itu.

iii. **Kata Penegas**

Kata penegas juga disebut partikel, iaitu perkataan yang memberi penekanan kepada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. Kata penegas ini terbahagi kepada dua, iaitu kata penegas yang menegaskan frasa predikat sahaja seperti *-kah* , *-lah* , dan *-lah*. Umparnanya dalam ayat berikut :

20. Siapakah nama kamu?

Kata penegas yang kedua berfungsi menegaskan kedua-dua bahagian ayat iaitu subjek dan predikat. Antara kata penegas tersebut ialah *jua*, *juga*, *sahaja*, *lagi*, *hanya*, *memang* dan *pun*.

Contoh penggunaan kata-kata penegas *pun* dan *memang* dalam ayat adalah seperti di bawah:

21. Adiknya *pun* pandai menyanyi.
22. Abangnya *memang* kuat.

iv. **Kata Nafi**

Kata nafi ini berfungsi untuk menafikan frasa-frasa predikat sama ada frasa nama, frasa kerja, frasa sifat, atau frasa sendi nama. Dua kata nafi yang sering digunakan ialah *tidak* dan *bukan*. Contoh ayat yang menggunakan kata nafi ialah:

23. Ibunya *bukan* seorang guru.
24. Dia *tidak* pandai bermain tenis.

v. **Kata Pemerii**

Kata pemerii berfungsi sebagai penjelas hal atau menjadi perangkai antara subjek dengan predikat. Pemerian ini dilakukan dengan dua cara, iaitu secara persamaan dengan menggunakan kata pemerii *ialah* dan secara huraihan dengan menggunakan kata pemerii *adalah*.

Contohnya :

25. Pengarang novel Rimba Harapan *ialah* Keris Mas.
26. Bahasa yang digunakan dalam novel Rimba Harapan *adalah* kemas dan menarik.

vi. **Kata Sendi Nama**

Kata sendi nama ialah sebarang perkataan yang terletak di hadapan frasa nama. Setiap kata sendi nama mempunyai fungsi masing-masing. Antara kata sendi nama yang sering digunakan ialah *dari, daripada, ke, di, kepada, untuk, bagi, demi, tentang, sejak, antara, dengan, dalam, sampai, oleh, akan, terhadap, seperti, bagai, umpama*, pada dan sebagainya. Contoh ayat ialah :

27. Dia menunggu kami *di* perhentian bas.
28. Burung-burung pulang ke sarangnya *pada* waktu senja.

vii. **Kata Arah**

Kata arah ialah sebarang kata yang hadir sebelum frasa nama dan biasanya sesudah kata sendi nama untuk menunjukkan hala atau arah. Antara contoh kata arah ialah *atas, antara, di bawah, di atas, sisi, penjuru, selatan, utara, timur, barat, luar, dalam, belakang, hadapan* dan sebagainya. Contoh penggunaan kata arah adalah seperti berikut:

29. Bola ditendangnya sipi *di atas* palang gol.

vii. **Kata Bilangan atau Jamak.**

Kata bilangan (jamak) ini ialah sebarang perkataan yang menjadi penerang jumlah frasa nama. Kata bilangan ini dapat dipecahkan mengikut maksud masing-masing kepada :

- a. Kata bilangan tentu. Contoh : *satu, dua, dua belas, dan lain-lain.*
- b. Kata bilangan tak tentu. Contoh : *semua, segala, seluruh, para, dan lain-lain.*
- c. Kata bilangan himpunan. Contoh : *berguni-guni, beratus-ratus berabad-abad, dan lain-lain.*
- d. Kata bilangan maksud pecahan. Contoh : *setengah, separuh, sepertiga, dan lain-lain.*
- e. Kata bilangan pisahan. Contoh : *masing-masing, tiap-tiap, setiap dan lain-lain.*

Contoh penggunaan kata bilangan dalam ayat ialah :

- 30. *Semua pegawai tidak dibenarkan bercuti esok.*
- 31. *Harnid menghabiskan separuh daripada usianya di dalam penjara.*

2.3 Kesalahan-kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu Secara Umum

Secara umum, terdapat pelbagai kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar. Antaranya ialah kesalahan penggunaan perkataan, penempatan perkataan, ganti nama, imbuhan, kopula, susunan dan hubungan ayat, dan ayat yang tidak lengkap atau ayat tergantung.

2.3.1 Kesalahan Penggunaan Perkataan

Kesalahan ini termasuk misalnya, penggunaan perkataan yang salah dan tidak mustahak. Menurut Za'ba (1965 : 63) jenis kesalahan ini mungkin disebabkan oleh tidak cukup perbendaharaan kata yang digunakan untuk mengeluarkan maksud yang dikehendaki atau sebab tersalah pakai perkataan-perkataan yang tidak tepat ataupun tidak kena letaknya perkataan itu. Penggunaan perkataan yang tidak mustahak pula mungkin akan menyebabkan maksud sesuatu ayat sukar untuk difahami. Contoh :

1. Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan badan-badan serupa itu di negeri-negeri Perbadanan (selepas ini semuanya disebut Agensi Awam) ... (Awang , 1984 : 87)

Satu lagi kesalahan yang umum dalam ayat ialah penggunaan perkataan yang berlebihan ataupun dengan mengulang sesuatu perkataan. Contoh :

2. Ia terlalu yakin sangat akan kata-kata penjual.

Seharusnya : 3. Ia terlalu yakin akan kata-kata penjual.

Atau : 4. Ia yakin sangat akan kata-kata penjual.

2.3.2 Penempatan Perkataan

Dalam pola Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), kesalahan-kesalahan yang sering wujud adalah seperti penggunaan kata kerja transitif tanpa objek. Contoh :

5. Israel digesa membebaskan semula tahanan.

Seharusnya : 6. Israel digesa membebaskan tebusan semula.

(Awang Sariyan , 1981 : 21)

Salah satu kesalahan umum dalam pola ayat pasif BM ialah pemisahan pelaku dengan kata kerja pasif. Awang Sariyan (1981) menerangkan bahawa kedua-duanya mempunyai satu ikatan yang tidak boleh dipisahkan. Contohnya:

7. Orang itu saya akan temui

Seharusnya : 8. Orang itu akan saya temui.

2.3.3 Ganti Nama

Kadang-kala ganti nama digunakan walaupun nama yang hendak digantinya tidak disebut sebelum itu. Contoh :

9. Murid-murid yang lemah dalam pelajarannya harus mendapat perhatian daripada ibu bapanya.

Seharusnya : 10. Murid-murid yang lemah dalam pelajarannya harus mendapat perhatian daripada ibu bapa mereka.

Kadang-kadang gantinama diri yang sepatutnya digunakan hanya untuk manusia telah disalahgunakan. Contoh :

11. Lain-lain projek,, terutama mereka yang ...

Seharusnya : 12. Lain-lain projek,, terutama projek-projek yang ...

Kata '*mereka*' tidak boleh digunakan untuk makhluk lain selain daripada manusia. '*Mereka*' sebagai kata ganti diri hanya boleh digunakan untuk manusia, iaitu orang ketiga dalam bentuk jamak. Penggunaan '*mereka*' dalam contoh di atas untuk *projek*, jelas merupakan pengaruh jalan fikiran dalam Bahasa Inggeris yang mengizinkan "*they*" digunakan untuk benda (Awang Sariyan, 1984).

2.3.4 Imbuhan

Penggunaan imbuhan akan menentukan makna sesuatu ayat. Oleh yang demikian, apabila imbuhan yang salah digunakan, ini akan mengubah makna ayat tersebut. Contoh :

13. Orang itu gali lubang.

Seharusnya : 14. Orang itu menggali lubang (Awang Sariyan, 1984)

Selain itu, kesalahan-kesalahan seperti penggunaan awalan 'di' dan 'oleh' untuk pelaku pertama dan kedua dalam ayat pasif sering berlaku. Walhal 'di' dan 'oleh' cuma untuk pelaku ketiga. Misalnya, ' Buku itu ditulis oleh saya.' Seharusnya, ' Buku itu saya tulis'. Walau bagaimanapun, bentuk pasif ini dianggap betul oleh Nik Safiah. Beliau menerima sebagai salah satu bentuk pasif sebab ia digunakan oleh orang-orang Melayu.

Pemakaian imbuhan 'me' dalam ayat pasif pelaku pertama dan ketiga juga sering wujud. Misalnya :

15. Buku itu saya membaca.

Seharusnya, 16. Buku itu saya baca.

2.3.5 Kopula

Penggunaan kopula ataupun kata pemeriksa dalam Bahasa Melayu telah menerima pandangan yang berbeza-beza. Sesetengah ahli Bahasa Melayu menganggap bahawa kopula, iaitu '*ialah*' dan '*adalah*', memang terdapat dalam BM dan justeru itu, wajar dipakai. Yang lain pula berpendapat bahawa kopula tidak perlu dalam BM. Penggunaan kopula dalam BM dianggap oleh golongan ini sebagai pengaruh dari Bahasa Inggeris dan penggunaannya dalam BM sering menerbitkan ayat yang salah dan aneh (Adibah Amin, 1985). Mengikut peraturan tatabahasa Bahasa Melayu kata pemeriksa kopula *ialah* hanya boleh digunakan sebagai penghubung antara subjek dengan frasa nama, manakala kopula *adalah* digunakan untuk menjadi penghubung antara subjek dengan frasa adjektif atau frasa sendi nama. Kesilapan akan berlaku sekiranya berlaku pertukaran penggunaan antara *ialah* dan *adalah* ataupun kedua-dua kata tersebut digunakan sebagai penghubung frasa kerja.

2.3.6 Susunan dan Hubungan Ayat

Kesalahan dalam golongan ini mungkin disebabkan oleh terjemahan langsung dari bahasa asing atau pengguna bahasa tersebut belum lagi

menurankan rumus-rumus BM. Kesalahan jenis ini termasuk klausa-klausa ayat yang tidak dihubungkan atau disusun dengan betul. Contoh :

17. Bapa saya selalu menenangkan saya supaya dia tidak bersedih melihat saya sentiasa termenung sahaja.

Seharusnya : 18. Bapa saya selalu menenangkan (menasihatkan) saya supaya tidak selalu termenung saja kerana dia tidak mahu bersedih melihat keadaan saya begitu.

(Awang Mohd. Amin, 1981).

Mengenai ayat berklausa pula, Awang Sariyan berpendapat bahawa kesalahan yang paling umum ialah penggunaan ayat berklausa tanpa kata penghubung. Contoh :

19. Bercakap tentang kebudayaan, kata kebudayaan itu sendiri perlu ditakrifkan.

Seharusnya : 20. Apabila bercakap tentang kebudayaan, kata kebudayaan itu sendiri perlu ditakrifkan.

2.3.7 Ayat yang Tidak Lengkap

Terbentuknya sesuatu ayat yang sempurna dan selengkapnya bergantung kepada adanya subjek dan predikat. Jika hanya subjeknya sahaja atau predikatnya sahaja yang ada pada sesuatu bentuk ujaran, maka bentuk

ujaran itu bukanlah ayat selengkapnya (Asraf, 1983). Sesuatu ayat yang tidak lengkap akan menjadi tempang bunyinya dan tergantung maksudnya.

A : Ayat yang tidak lengkap sebab tidak ada subjek. Contoh :

21. Mudah-mudahan dengan kehadiran tuan akan
menyerikan majlis perkahwinan anak kami.

Seharusnya : 22. Mudah-mudahan dengan kehadiran tuan akan
berserilah majlis perkahwinan anak kami
(Asraf, 1983).

B : Ayat yang tidak lengkap sebab tidak ada predikat. Contoh :

23. Yang manakah betul?

Seharusnya : 24. Yang manakah yang betul? (Asraf, 1983).

2.4 Konsep Analisis Kesilapan

Analisis kesilapan muncul ekoran daripada kekecewaan terhadap analisis kontrastif. Dalam analisis kontrastif, bahasa natif seseorang pelajar dibandingkan dengan bahasa sasarananya supaya dapat menentukan aspek-aspek bahasa sasaran yang rumit dan sukar. Dengan adanya pengetahuan ini, seseorang guru dapat menggunakan bahan-bahan atau strategi yang sesuai untuk menjamin kecekapan dalam pembelajaran bahasa sasaran.

Analisis kontrastif dipelopori oleh C.C. Fries dalam bukunya, *Teaching and Learning of English as a Foreign Language* pada tahun 1975 , dan Robert Lado yang menulis *Linguistic Across Culture* pada tahun 1957. Mereka berpendapat bahawa kita dapat meramal dan menghuraikan pola-pola yang akan menyebabkan kesusahan dalam pemelajaran bahasa kedua dan juga pola-pola yang tidak akan menyebabkan kesusahan dalam membandingkan bahasa ibunda (L1) dengan bahasa kedua (L2) secara sistematis. Fries berkata bahawa, *"the most effective materials are those that are based upon a scientific description of the language to be learned, carefully compared with a parallel description of the native language of the learner"*(Richard , Jack C , 1974 : 97). Manakala pandangan Lado tentang Analisis Kontrastif ialah *"that individuals tend to transfer the form and meaning of their native language and culture to the foreign language and culture, both productively when attempting to speak the language and receptively when attempting to grasp and understand the language as practised by natives."*

Analisis Kontrastif mempunyai beberapa dasar utama, iaitu :

- i. Pemelajaran bahasa adalah pembentukan tabiat.

- ii. Tabiat lama (penggunaan L1) mengganggu atau menolong pembentukan tabiat baru (pemelajaran L2) bergantung pada perbezaan dan persamaan antara L1 dengan L2.
- iii. Semua kesilapan pelajar L2 adalah sebagai akibat gangguan daripada bahasa L1.
- iv. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar bahasa L2 dapat diramalkan.

Oleh yang demikian, bahasa ibunda dan bahasa sasaran dibandingkan untuk mencari persamaan atau perbezaan dalam struktur kedua-duanya.

Analisis kontrastif berpendapat bahawa :

- i Perkara-perkara yang sama tidak akan menimbulkan masalah kepada pelajar.
- ii Perkara-perkara yang agak sama akan dipelajari dengan mudah.
- iii Perkara-perkara yang amat berbeza akan menimbulkan masalah.

Oleh itu, penyokong-penyokong Analisis Kontrastif berpendapat bahawa punca utama kesilapan ialah gangguan daripada bahasa ibunda. Persamaan atau perbezaan antara struktur dan sistem L1 dengan L2 akan menentukan salah betulnya bahasa pelajar-pelajar L2. Menurut mereka, pada dasarnya pemelajaran bahasa merupakan proses pembentukan

tabiat. Dengan itu, kesilapan berlaku kerana gangguan daripada tabiat bahasa ibunda terhadap pemelajaran L2. Perbandingan antara kedua-dua bahasa itu dapat meramalkan bahagian-bahagian dalam bahasa sasaran yang akan menyebabkan kesukaran (Dulay dan Burt, 1982).

Analisis Kesilapan muncul kerana terdapat banyak kelemahan dalam Analisis Kontrastif. Yang paling utama menurut Analisis Kesilapan ialah :

- i. Kesilapan pelajar-pelajar L2 tidak dapat diramalkan.
- ii. Kesilapan pelajar-pelajar L2 tidak berpunca daripada L1 sahaja, malahan , gangguan daripada L1 adalah sebahagian kecil sahaja daripada punca kesilapan.

Analisis Kesilapan tidak menafikan bahawa bahasa ibunda mengganggu L2 tetapi bukan menjadi sebab utama gangguan. Menurut Analisis Kesilapan, kesilapan tidak dapat diramalkan tetapi hanya setelah kesilapan berlaku, barulah dapat dianalisis. Kemunculan Pit Corder dalam tulisannya " The Significance of Learners Errors" (1969) menandakan kemunculan suatu disiplin baru dalam Linguistik Gunaan, iaitu Analisis Kesilapan. Menurut Corder, kesilapan tidak boleh dianggap sebagai tanda kawalan diri tetapi sebagai bukti strategi pemelajaran.

Analisis Kesilapan berpendapat bahawa majoriti gangguan bukan berpunca daripada L1. Bagi mereka, kebanyakannya daripada kesilapan berpunca daripada L2 atau disebut Intralingual dan bersifat '*developmental error*'. Selain faktor-faktor Interlingual dan Intralingual, terdapat faktor-faktor lain yang mesti diambil kira, misalnya emosi, umur, pendedahan, dan persekitaran. Chomsky umpamanya, pernah menyebut bahawa faktor keletihan dan kurang perhatian menyebabkan kesilapan penampilan dan kekurangan pengetahuan tentang tatabahasa atau '*rules of language*' sebagai faktor kecekapan. Dalam hal ini kebanyakannya kesilapan pelajar adalah berkaitan dengan soal kemampuan.

Para penyokong Analisis Kesilapan seperti Corder mengatakan bahawa proses pemerolehan bahasa dan strategi yang digunakan oleh pelajar harus dititikberatkan bagi mengetahui mengapa kesilapan tersebut berlaku. Hal ini demikian kerana kesilapan-kesilapan itu menunjukkan strategi yang digunakan oleh pelajar-pelajar L2.

Analisis Kesilapan mengemukakan teori bahawa setiap pelajar L2 mempunyai sistem bahasa yang tersendiri, unik, dan dinamis. Sistem tersebut bukannya sistem L1 atau L2, walaupun dipengaruhi oleh kedua-dua bahasa ini. Sistem yang diberi nama '*Interlanguage*' oleh Selinker atau

yang dikenal juga sebagai "*Approximative System*" oleh Nemser sentiasa berubah-ubah. Walaupun gangguan Interlingual penting dalam pembentukan sistem bahasa L2 pelajar, faktor Intralingual lebih memainkan peranan utama. Selain itu, faktor taksonomi atau hierarki kesusahan dalam subsistem bahasa L2 pun mempengaruhi sistem *Interlanguage* atau bahasa antarabahasa ini.

Analisis Kontrastif tidak melihat sistem bahasa antarabahasa pelajar yang unik ini, tetapi melihat kesilapan sebagai pindahan negatif L1. Sedangkan bagi Analisis Kesilapan, kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar L2 melambangkan sistem *Interlanguage* pelajar. Bagi mereka, kesilapan penting untuk membolehkan kita memahami sesuatu proses pemelajaran L2. Oleh itu, dalam Analisis Kesilapan beberapa perkara dititikberatkan, iaitu :

- i. Setiap pelajar mempunyai struktur psikologi terpendam yang akan menghasilkan bahasa apabila digerakkan.
- ii. Bahasa pelajar dalam proses pemelajaran L2 adalah sistem yang unik dan dinamis.
- iii. L1 bukannya gangguan utama yang menjadi punca kesilapan L2 tetapi punca utama kesilapan adalah daripada bahasa L2 itu sendiri iaitu, bahasa sasaran.

2.4.1 Rangka Teori Analisis Kesilapan

Makalah Pit Corder 'The Significance of Learners' telah menarik minat banyak ahli linguistik terhadap kesilapan-kesilapan pelajar L2. Kesilapan pelajar L2 dilihat sebagai strategi pemelajaran dan komunikasi. Kesilapan dilihat sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam pemelajaran dan bukan sebagai kesalahan atau sesuatu yang negatif sahaja. Dalam menganjurkan Analisis Kesilapan, kita mesti mengambil kira enam konsep penting yang mendasari teori ini, iaitu:

- i. Pemerolehan L2 sebagai pengaruh daripada perkembangan bahasa L1
- ii. Peringkat kecekapan pelajar yang dilihat secara keseluruhannya
- iii. Faktor Intralingual dan Interlingual
- iv. Proses pembinaan kreatif
- v. Bahasa Antarabahasa
- vi. Sistem dalam Bahasa Antarabahasa

2.4.1.1 Pemerolehan L2 sebagai Pengaruh daripada Perkembangan L1

Sumbangan paling kontroversi Analisis Kesilapan adalah bahawa kebanyakan kesilapan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar L2 tidak

menggambarkan bahasa ibunda pelajar tetapi adalah seperti kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belajar bahasa ibunda. Hal ini bermakna bahawa kita dapat mengkaji kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar L2 dengan melihat pola-pola kesilapan yang dilakukan oleh kanak-kanak L1. Menurut Dulay dan Burt, langkah-langkah yang diambil oleh pelajar L2 adalah seperti kanak-kanak sewaktu belajar L1. Bentuk-bentuk tatabahasa yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar L2 mesti dibandingkan dengan bentuk-bentuk tatabahasa kanak-kanak yang belajar L1.

Tetapi hal ini tidak bermakna apa-apa yang dipelajar dalam L1 dipindahkan kepada L2. Kalau Analisis Kontrastif melihat L1 sebagai punca utama kesilapan, Analisis Kesilapan pula melihat L1 sebagai salah satu punca kesilapan. Bagi penyokong Analisis Kesilapan terdapat pengaruh positif L1 ke atas L2.

"When an individual finally becomes bilingual the availability of both the first and second language is recognized as an enrichment of the individual's communicative repertoire" (Dulay dan Burt : 96).

Pandangan kita terhadap pemerolehan L1 mesti mengambil kira sistem yang digunakan oleh kanak-kanak dalam pemerolehan L1. Dengan itu,

cara pengajaran dan pemelajaran bahasa L2 kepada pelajar-pelajar mesti dilakukan mengikut cara kanak-kanak belajar L1.

2.4.1.2 Peringkat Kecekapan Pelajar yang Dilihat Secara Keseluruhannya

Analisis Kesilapan melihat peringkat-peringkat kecekapan pada keseluruhannya. Analisis Kesilapan mempunyai objektif untuk membuat perbandingan antara kecekapan pelajar pada masa analisis mula dibuat dengan kemampuan akhir peringkat analisis. Oleh itu, pengkaji Analisis Kesilapan perlu membuat kedua-dua kajian, iaitu kajian jangka pendek (*cross sectional*) dan kajian jangka panjang (*longitudinal*).

Kajian ini perlu kerana sistem bahasa pelajar bersifat dinamis. Kita mesti mengikuti perkembangan kecekapan pelajar setelah input-input bahasa diberi dari semasa ke semasa. Yang penting ialah kajian-kajian jangka panjang bahasa L2 pelajar dan yang disebut oleh Corder sebagai "*a set description of his successive 'etats dedicat'*." Seterusnya menurut beliau, "*by comparing these and logging the changes and then correlating these with the data of potential input we can make inferences about the learning proces*"(Corder.. P , 1981 : 27).

2.4.1.3 Faktor-faktor Interlingual dan Intralingual

Faktor Intralingual merujuk kepada hal-hal yang berkaitan dengan bahasa sasaran atau L2 seperti gangguan atau pindahan pemelajaran L2, manakala faktor Interlingual pula merujuk kepada hal-hal gangguan atau pindahan daripada L1. Analisis kesilapan menyatakan bahawa terdapat "*language transfer*" daripada L1 kepada L2. Tetapi "*language transfer*" daripada bahasa sasaran memainkan peranan yang lebih penting. Bagi Analisis Kontrastif, kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar L2 adalah sebagai akibat pemindahan bahasa daripada L1. Oleh itu, kesilapan-kesilapan L2 dapat diramalkan dengan membuat perbandingan antara L1 dengan L2.

Analisis Kesilapan tidak menafikan peranan yang dimainkan oleh L1. Walau bagaimanapun, kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar L2 sebagai akibat gangguan L1 hanya sedikit sahaja, iaitu kira-kira 33 peratus. Hal ini ditegaskan oleh Richards (1974 : 5) dalam kenyataannya bahawa : "*George (1971) found that one third of the deviant sentences from second language learners could be attributed to language transfer.*"

Kesilapan-kesilapan Intralingual pelajar-pelajar L2 adalah berdasarkan "*partial exposure to the target language.*"

Kajian-kajian Analisis Kesilapan seterusnya mendapati bahawa :

- a. Prestasi kanak-kanak serta pelajar L2 tidak banyak menggambarkan kesilapan-kesilapan tatabahasa L1.
- b. Pelajar-pelajar L2 banyak membuat kesilapan tatabahasa yang dapat dirujuk kepada persamaan antara L1 dengan L2. Kesilapan-kesilapan seperti ini sepatutnya tidak berlaku sekiranya ada pindahan positif sahaja daripada L1 kerana menurut penyokong-penyokong Analisis Kontrastif, persamaan-persamaan dalam L1 dan L2 memudahkan pemerolehan L2.
- c. Penilaian pelajar-pelajar L2 tentang salah betulnya tatabahasa L2 lebih dikaitkan dengan jenis ayat-ayat L2 daripada jenis ayat-ayat L1
- d. Kesilapan-kesilapan fonologi, daripada tatabahasa menunjukkan pengaruh L1 ke atas L2.

2.4.1.4 Proses Pembinaan Kreatif

Chomsky menyatakan bahawa bahasa adalah unik dan pelajar-pelajar bahasa kedua adalah kreatif dan dinamis. Menurutnya, setiap individu dilahirkan bersama-sama dengan "*innate grammar*" dan juga keupayaan untuk menggerakkan dan melahirkan peraturan-peraturan tatabahasa ini.

Oleh itu, setiap individu akan mempunyai sistem bahasa yang tersendiri, unik dan kreatif.

Menurutnya, gerak utama yang membawa kepada pemerolehan bahasa ialah struktur kognitif atau *'Language Acquisition Device'* (LAD). LAD inilah menentukan struktur bahasa yang dapat dikuasai oleh pelajar-pelajar L2. Oleh hal yang demikian, proses pemerolehan bahasa ialah proses kognitif yang dipengaruhi oleh faktor-faktor L1, L2, pedagogi, personaliti persekitaran, dan budaya. Oleh kerana itulah, setiap pelajar membina semula bahasa sasaran mengikut strategi-strategi kognitif yang sejagat. Kesilapan-kesilapan sistematik yang dilakukan oleh pelajar-pelajar L2 menunjukkan bahawa mereka mempunyai peraturan-peraturan tertentu. Sekiranya tiada berlaku kesilapan, ada kemungkinan bahawa pelajar hanya mengulang apa-apa yang didengar atau mengelakkan penggunaannya.

Dalam hal ini, tiga faktor dalaman atau kognitif berfungsi apabila pelajar memperoleh L2, iaitu:

1. *filter* - *factors that screen out certain parts of learners language environment.*

2. *organizer - part of language learners mind which works subconsciously to organize a new language.*
3. *monitor - part of the learners internal system that consciously process information. When the learners memorizes grammar rules and tries to apply them consciously during conversation he is relying on the monitor*"(Dulay dan Burt, 1982 : 47).

2.4.1.5 Bahasa Antarabahasa

Bahasa Antarabahasa ini merujuk kepada sistem bahasa yang ada pada pelajar-pelajar L2 yang belum menguasai L1. Selinker menggunakan istilah *Interlanguage* untuk menerangkan peringkat-peringkat bahasa pelajar daripada L1 kepada L2. Menurutnya, terdapat struktur-struktur psikologi terpendam yang digunakan apabila seseorang mempelajari bahasa L2 (Richards, 1974 : 29). Fenomena yang sama ini disebut sebagai *Sistem Approximative* oleh William Nemser dan *Transitional Competence* oleh Pit Corder.

Menurut Selinker, *Interlanguage* pelajar-pelajar L2 adalah sesuatu yang dinamis dan tidak dapat diuraikan dari segi L1 atau L2, walaupun dipengaruhi oleh kedua-dua bahasa tersebut. Menurutnya, *Interlanguage*

adalah peringkat-peringkat peralihan antara L1 dengan L2 dan sentiasa berubah-ubah semasa pemerolehan L2. Selinker mengemukakan lima proses utama yang dapat menerangkan bahasa antarabahasa ini, iaitu :

- i. Pemindahan bahasa, iaitu gangguan daripada L1.
- ii. Pemindahan latihan, iaitu item-item, peraturan-peraturan, dan subsistem yang disalahgunakan sebagai akibat latihan.
- iii. Strategi pemelajaran bahasa sasaran. Pelajar L2 mungkin menghasilkan struktur-struktur ayat yang sudah dihayati atau mengelakkan penggunaan struktur yang sukar.
- iv. Strategi komunikasi bahasa kedua, iaitu strategi berkomunikasi secara penutur-penutur asli.
- v. Generalisasi yang berlebihan terhadap bahasa sasaran.

Nemser pula, yang menggunakan istilah *Approximative System* untuk menerangkan fenomena yang sama, berkata bahawa bahasa pelajar bersifat dinamis, iaitu berubah dari semasa ke semasa, dan proses pemelajaran bahasa adalah *developmental*. Oleh itu, pelajar-pelajar sentiasa mengubah suai sistem antarabahasanya apabila dideahkan kepada unsur-unsur yang baru. Suatu fenomena yang menarik dalam bahasa antarabahasa pelajar L2 adalah konsep *Fossilization*, iaitu:

"Linguistic items , rules and subsystems which speakers of a particular native language will tend to keep in their Interlanguage relative to a particular target language , no matter what the age of the learner or amount of explanation and instruction he receives in the target language " (Richards, 1974 : 36)

Struktur-struktur fosilisasi ini sentiasa tampil dalam *Interlanguage* pelajar dan muncul terutamanya apabila pelajar sedang mempelajari sesuatu subjek yang baru dan susah, ataupun pelajar berada dalam tekanan ataupun kegembiraan. Yang menghairankan ialah struktur ini muncul juga apabila pelajar berada dalam suasana santai dan tenteram.

2.4.1.6 Sistem dalam Bahasa Antarabahasa

Bahasa antarabahasa pelajar-pelajar adalah unik dan dinamis dan sentiasa berkembang menuju ke L2 , walaupun bahasa ini bukan L1 atau L2. Bahasa ini dapat dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu :

(i) Prasistematik

Pada peringkat ini, pelajar tidak menghayati sesuatu sistem L2. Kesilapan yang dilakukannya adalah secara rambang. Kadangkala, dia mungkin menghasilkan struktur yang betul. Tetapi pada peringkat ini pelajar tidak dapat menerangkan sebab dia menggunakan struktur tatabahasa tersebut ataupun membetulkan kesilapannya.

(ii) Sistematik

Pada peringkat bahasa Antarabahasa ini, kesilapan yang dilakukan adalah *regular*. Pelajar-pelajar telah mempelajari sistem dan peraturan-peraturan L2 tetapi belum menguasainya. Apabila disuruh membetulkan kesilapan, pelajar tidak dapat melakukannya tetapi sedikit sebanyak dapat menerangkan mengapa dia menggunakan peraturan-peraturan tersebut. Kesilapan itu adalah kesilapan kermampuan.

(iii) Pasca Sistematik

Pada peringkat ini pelajar menghasilkan bentuk-bentuk yang betul tetapi tidak konsisten. Pelajar telah menghayati peraturan-peraturan tatabahasa tetapi kadangkala membuat kesilapan kerana kurang prihatin atau terlupa.

Apabila disuruh membetulkan kesilapan, pelajar sedikit sebanyak dapat berbuat demikian dan dapat menerangkan peraturan-peraturan tatabahasa itu. Kesilapan yang dilakukan lebih berupa kesilapan penampilan.

2.5. Kajian-Kajian Kerabat

Menurut Azman Wan Chik (1982 : 675) kajian-kajian untuk melihat pendekatan atau kaedah yang berkesan untuk mengajar BM sebagai bahasa pertama amat diperlukan. Hal ini kerana proses penguasaan B1 berlainan dengan B2, maka tidak wajar pendekatan mengajar B2 digunakan untuk mengajar B1.

Beliau telah membuat satu kajian tentang kesilapan penggunaan BM di kalangan murid-murid Melayu. Subjeknya terdiri daripada dua kelompok iaitu murid Melayu yang ekabahasa dan murid Melayu dwibahasa. Secara umumnya keputusan kajian ini menunjukkan bahawa aspek ejaan merupakan aspek yang paling banyak kesalahan iaitu sebanyak 54.74% daripada jumlah semua kesalahan. Ini diikuti dengan kesalahan penggunaan huruf besar (21.22%) dan kesalahan tanda bacaan (20.37%). Kesalahan ejaan merupakan kesalahan utama bagi kedua-dua kelompok subjek. Bagi kelompok dwibahasa, kesalahan kedua banyaknya ialah

kesalahan penggunaan huruf besar, diikuti dengan tanda bacaan sementara bagi kelompok ekabahasa pula, keadaannya terbalik. Bagi mereka, kesalahan yang kedua banyak ialah tanda bacaan, diikuti dengan kesalahan penggunaan huruf besar.

Mohd. Sallehudin (1983) pula telah membandingkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar yang berlainan etnik. Beliau telah membahagikan bidang kesalahan kepada lapan iaitu kesalahan-kesalahan struktur ayat-ayat aktif, pasif, berlapis, berkait, kompleks, tanya, ayat saduran daripada struktur ayat bahasa Inggeris dan ayat yang terlalu panjang. Datanya telah dikumpul dari empat buah sekolah. Analisisnya dibuat dari aspek keturunan pelajar-pelajar dan perbandingan dibuat berdasarkan

(i) kumpulan etnik dalam satu sekolah, (ii) kumpulan etnik antara sekolah, dan (iii) perbandingan etnik keseluruhan antara sekolah. Pada bahagian awal kajiannya, beliau telah membuat andaian bahawa ayat-ayat yang panjang dan tidak dapat ditentukan makna keseluruhannya banyak terdapat dalam karangan para pelajar Melayu. Tetapi berdasarkan keputusan yang diperoleh, jelas bahawa ayat-ayat tersebut jarang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu, sebaliknya lebih sering dilakukan oleh pelajar-pelajar kaum Cina dan India (Cina = 25.2% , India = 17.7% , Melayu 15.5%). Beliau tidak menerangkan dengan lebih lanjut tentang hal

tersebut atau memberi apa-apa sebab mengenainya selepas memperoleh keputusannya. Hal ini, pada pendapat saya, merupakan satu kelemahan dalam kajian beliau.

Chin Yoon Poh (1984) pula cuma mengkaji kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar-pelajar perempuan sahaja. Beliau mengkaji kesalahan dari lima segi aspek ejaan, tanda bacaan, penggunaan imbuhan, tatabahasa dan struktur-struktur ayat. Kesalahan-kesalahan ini dikaitkan dengan empat faktor iaitu :

- (a) pendedahan penggunaan BM dalam media elektronik
- (b) pendedahan penggunaan BM dalam media cetak
- (c) pendedahan penggunaan BM dalam perhubungan bersmuka
- (d) taraf pendidikan ibu bapa

Kajian Awang Sariyan (1980) menunjukkan bahawa penggunaan BM di kalangan pelajar masih banyak kekeliruan, bermula dari kesalahan ejaan hingga kepada kesalahan sintaksis. Dapatkan kajian ini menggambarkan mutu kemahiran bahasa di kalangan pelajar masih rendah.

Kajian Hamdan A. Rahman (1980) juga mendapati penguasaan bahasa di kalangan pelajar di semua peringkat institusi pengajian berada pada tahap

yang belum memuaskan. Masalah yang lebih ketara ialah kesalahan penggunaan BM di kalangan pelajar Melayu di peringkat menengah. Kesalahan yang mereka lakukan akan terbawa-bawa hingga ke peringkat yang lebih tinggi seperti di maktab-maktab atau institusi pengajian tinggi. Sementara itu, kajian Sharifah Fakhriah dan Teoh Boon Seng (1986) memperlihatkan dapatan tentang kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar, terutama pelajar asing yang mempelajari BM sebagai bahasa kedua dari aspek penggunaan imbuhan, bentuk ayat pasif dan penggunaan kata. Dapatan kajian mereka dengan jelas menunjukkan kemahiran penggunaan imbuhan merupakan kemahiran yang sukar dikuasai oleh pelajar bukan Melayu.